

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY  
BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]**  
**TARIKH** : **17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan persediaan untuk memasuki Fasa Endemik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Status endemik COVID-19 sesebuah negara hanya akan ditentukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Walau bagaimanapun, sesebuah negara termasuk Malaysia boleh menentukan tahap penularan jangkitan COVID-19 pada fasa endemik berdasarkan pencapaian nilai ambang yang ditetapkan dan disesuaikan dengan kapasiti respon sesebuah negara (*acceptable number*) agar tidak menjadi masalah kepada kesihatan awam. Pada fasa endemik ini, jumlah kes harian masih boleh meningkat walaupun liputan vaksinasi COVID-19 telahpun melebihi 70%. Namun, pada fasa ini akan dapat dilihat pengurangan bilangan kes yang memerlukan kemasukan ke hospital dan kematian yang disebabkan oleh COVID-19.

2. Kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan telah merangka tindakan-tindakan untuk memasuki fasa endemik seperti berikut:

- (i) terus mengekang penularan hingga ke tahap endemik;
- (ii) meningkatkan kesiapsiagaan untuk menghadapi ancaman

daripada kemunculan varian baharu dan peningkatan kes; dan

- (iii) meningkatkan penglibatan pelbagai pihak dan lebih telus dalam perkongsian maklumat dengan masyarakat agar saranan serta informasi dari Kerajaan dapat diterima dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian Kesihatan juga telah menggariskan lima (5) strategi utama untuk transisi kepada fasa endemik. Ia merangkumi:

**(i) Respon Kesihatan Awam dan Vaksinasi**

Respon kesihatan awam termasuk pengesanan awal kes melalui pengujian, siasatan dan seterusnya memberi rawatan serta isolasi kes tersebut. Kontak rapat perlu dikenal pasti dengan cepat dan dikuarantin supaya dapat memutuskan penularan jangkitan. Ini yang dimaksudkan di bawah strategi "*Find, Test, Trace, Isolate and Support*". Vaksinasi juga adalah penting dalam memastikan kes-kes teruk dapat dicegah dan seterusnya mengurangkan kes yang memerlukan dimasukkan ke hospital serta kematian disebabkan oleh jangkitan COVID-19.

**(ii) Pengujian dan Survelan**

Pengujian dan survelan dilaksanakan secara berterusan dalam mengenalpasti varian baharu dalam komuniti dan seterusnya tindakan sewajarnya dapat dilaksanakan. Survelan ini termasuklah survelan *influenza-like illness* (ILI), survelan *severe acute respiratory infection* (SARI) dan survelan genomik virus SARS-CoV-2. Survelan persekitaran juga dijalankan di kawasan prevalen kes COVID-19 yang rendah.

**(ii) Pengurusan Kes COVID-19**

- (a) Penjagaan Kesihatan Primer diperkukuhkan: Penyampaian perkhidmatan secara maya/ atas talian atau hibrid

dikembangkan dan diperluaskan kepada lain-lain perkhidmatan seperti penyakit tidak berjangkit (NCD) dan kesihatan ibu & anak (MCH). Manakala sistem janji temu dalam talian diperluaskan dan Pusat Penilaian COVID-19 maya (*Virtual CAC*) bagi penilaian status kesihatan kes COVID-19 diteruskan dan diperluaskan ke negeri-negeri lain. Penglibatan pengamal perubatan swasta dipertingkatkan dalam pengurusan COVID-19.

- (b) Pengurusan kes di hospital dimantapkan: Memperkukuhkan operasi gabungan antara Pusat Panggilan Kecemasan Perubatan (MECC) dan Unit Pengurusan Katil (BMU) dengan pengenalpastian lebih awal status kes semasa pesakit diambil. Pesakit yang diambil oleh ambulan terutamanya kes ILI dan SARI perlu disaring menggunakan ujian kit pantas RTK antigen (Ag) air liur. *Triage* penyakit berjangkit yang efektif dilaksanakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma. Saringan ujian COVID-19 pra-kemasukan ke hospital diteruskan.

**(iv) Pemerksaan Komuniti**

Pemerksaan individu, komuniti dan majikan dalam menangani COVID-19 adalah sangat penting. Individu dan Komuniti menjadi ejen perubahan termasuk penglibatan organisasi bukan Kerajaan (NGO) dan organisasi berasaskan komuniti (CBO). Masyarakat digalakkan untuk menjalani saringan kesihatan mental secara sendiri melalui Aplikasi MySejahtera untuk pengesanan awal penyakit kemurungan (*depression*) dan keresahan (*anxiety*). Bantuan Psikososial akan diberikan semasa pasca COVID-19 oleh sukarelawan terlatih. Pemerksaan ketua komuniti setempat ditingkatkan dalam mengenal pasti, memberi sokongan dan merujuk mengikut keperluan penduduk setempat. Promosi dan advokasi terhadap penyakit tidak berjangkit juga dijalankan seiring dengan pemerksaan komuniti ini.

**(v) Kawalan Sempadan**

Prosedur operasi standard (SOP) dan dasar kuarantin dikaji berdasarkan situasi COVID-19 dalam negara dan di peringkat global. “*Test and Release*” strategi bagi perjalanan antarabangsa melibatkan pengembara antarabangsa yang tiba di Malaysia dengan pengurangan tempoh kuarantin wajib jika didapati ujian COVID-19 negatif. Penilaian risiko dilakukan ke atas pengembara dengan sejarah perjalanan antarabangsa dan masuk ke Malaysia.

Ia dibuat berdasarkan berdasarkan kriteria ditetapkan termasuk kewujudan varian baharu serta liputan vaksinasi di negara yang dikunjungi atau negara asal pengembara dan dikategorikan sebagai merah dan hijau sebagai syarat pemberian kelonggaran ke atas perintah kuarantin.

Sekian, terima kasih.